

06/03/1997

Saranan kesatuan banyak implikasi

Mohd Fuad Razali

SARANAN kesatuan guru supaya perkhidmatan perguruan ditadbir oleh sebuah suruhanjaya berasingan perlu mengambil kira pelbagai implikasi terhadap keseluruhan perkhidmatan awam.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata penyelarasan perkhidmatan awam yang dilakukan menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sekarang adalah perlu bagi mengelakkan timbul pelbagai masalah dalam perkhidmatan itu, termasuk pertambahan akaun perbelanjaan yang tidak dijangka.

Selain itu, katanya, dalam kerajaan wujud masalah perkaitan antara satu perkhidmatan dengan perkhidmatan lain.

"Jika kita sentuh satu perkhidmatan ia akan berkait dengan perkhidmatan yang lain. Nanti banyak orang lain juga akan merasakan gaji mereka juga harus berubah.

"Jadi, bukannya kita tidak memandang berat kepada masalah perkhidmatan perguruan tetapi mesti dilihat dalam konteks keseluruhan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat pasca-Kabinet di Kementerian Pendidikan, semalam.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) pernah mencadangkan supaya guru dikecualikan daripada Skim Saraan Baru (SSB) perkhidmatan awam dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang berasingan untuk mentadbir perkhidmatan perguruan.

Kesatuan itu berpendapat langkah sedemikian perlu untuk kebaikan jangka panjang kerjaya perguruan. Oleh itu, ia mencadangkan supaya satu struktur yang serasi dengan kerjaya pendidikan disediakan dengan syarat yang lebih sesuai.

Najib berkata, kerajaan memutuskan supaya skim perkhidmatan awam, termasuk soal tangga gaji, diuruskan melalui JPA.

Menurut Najib, keputusan itu dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Mengenai laporan Tan Sri Rahman Arshad, Najib berkata, cadangan yang dikemukakan dalam laporan itu mempunyai implikasi terhadap kewangan kerana jumlah anggota perkhidmatan perguruan adalah kira-kira satu pertiga daripada kakitangan perkhidmatan awam.

"Oleh itu, sebarang perubahan (gaji) bererti kerajaan terpaksa meningkatkan kos operasi sebanyak 30 peratus.

"Bagaimanapun beberapa cadangan yang berkait terus dengan Kementerian Pendidikan sudah dan sedang diambil tindakan.

"Begitu juga yang berkaitan dengan JPA. Yang lain akan dikemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi.

"Kita kena tunggu komen daripada kementerian terlebih dahulu," katanya.

Najib juga berkata, setakat ini kementeriannya masih lagi mengkaji mengenai skim tangga gaji yang akan dicadangkan untuk guru yang bakal bergraduat dengan Diploma Perguruan Malaysia.

(END)